

16 JAN 1992

PM: Cuba dulu, usah ragu

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru rakyat supaya berani mencuba sesuatu yang baru tanpa sebarang keraguan. Perdana Menteri berkata, keraguan terhadap sesuatu rancangan yang baik tidak sepatutnya mengganggu pelaksanaan rancangan itu.

Beliau menegaskan sesuatu rancangan tidak akan berjaya tanpa ketabahan hati dan ketekunan.

"Rancangan akan tinggal sebagai rancangan sahaja jika usaha yang gigih tidak ada," tambah beliau semasa berucap di upacara meletakkan batu asas Bangunan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), di sini.

Ucapan beliau itu ditafsirkan oleh pemerhati-pemerhati politik sebagai secara tidak langsung membidas keraguan pihak tertentu terhadap pelaksanaan Sistem 3M yang dilancarkan secara percubaan di 302 buah sekolah rendah di negara ini tahun ini.

Kurikulum baru sekolah rendah yang menitikberatkan ciri-ciri membaca, mengira dan menulis telah mendapat tanggapan oleh golongan tertentu, kononnya ia menjejaskan kedudukan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dengan alasan semua sekolah akan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Perdana Menteri berkata, beliau masih ingat keraguan terhadap syor Professor Diraja Ungku Aziz mengenai kemungkinan mengumpul wang simpanan bakal haji dalam satu tabung.

Hari ini keraguan itu terbukti tidak berasas dan diganti dengan pendapat bahawa sememangnya tabung seumpama itu pasti berjaya, tambah beliau. — Bernama.

N
N